

Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang

e-Lingua

APRIL 2026

1/2026

*Connecting Cultures
One Word at a Time*

你好

Apa Khabar?

Bonjour

Hello

مرحبًا

Hallo

こんにちは



Ingat kelakar sangat ke?

CHE NOORYOHANA ZULKIFLI
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Dia ingat benda ini kelakar ke? Sekali dua mungkin kelakar untuk kanak-kanak sebesar itu bertindak sedemikian. Lama-lama, tidak kelakar langsung!

Misya terus-menerus mengomel kepada suaminya. Zamri hanya mampu berdiam, walaupun sakit juga hatinya. *Dahlah badan sakit sekali! Aish!*

Adakalanya Misya mengadu juga kepada ibunya mengenai Faris. Faris, anak sulungnya yang baru berusia tiga tahun. Apabila dia mengomel kepada ibunya, itu tidak bermakna dia membenci Faris, tetapi tubuhnya benar-benar penat menjaga hanya seorang budak. *Baru seorang!*



Image source: AI-generated

Misya mengharapkan orang sekeliling memahami apa yang sedang berlaku dalam hidupnya. Kerjaya sudah tiada. Duit apatah lagi. Dia mengambil keputusan untuk berhenti kerja setibanya Faris di pangkuan. Pada mulanya hanyalah untuk menyesuaikan diri, tetapi apabila Faris semakin membesar, semakin menjadi-jadi pula perangai budak ini. *Kalau dihantar ke pengasuh, mahu kena dera budak macam ni!*

Apabila ibunya mendengar rungutan Misya, ibunya tidak memberikan sebarang kata-kata positif, malah mengiyakan sahaja apa yang Faris lakukan. Balik-balik ibunya hanya memulangkan paku buah keras. Menurut ibunya, apa yang Faris lakukan tidak pelik

kerana Misya juga begitu pada zaman kanak-kanaknya. *Aih, tak membantu langsung mengadu pada orang tua ni! Kita tanya dia, kita pula yang kena!*

Misya cuba mendapatkan semangat dan pandangan kawan-kawan di media sosial. Rata-rata mencadangkan supaya dia membawa Faris berjumpa doktor kerana mungkin mempunyai masalah personaliti atau kondisi kesihatan seperti autisme atau ADHD. Tetapi Misya langsung tidak merasakan ada masalah seperti itu. Dia cuba bertahan. Dia cuba meyakinkan dirinya bahawa apa yang ibunya katakan ada kebenarannya. Masalah itu akan berakhir suatu hari nanti. *Tetapi bila?*

Adakah apabila dia sudah hilang akal di kepalanya kerana terlalu tertekan dengan sikap anaknya?

Adakah apabila dia sudah hilang sabar dan berkemungkinan akan memukul Faris dengan teruk?

Adakah apabila dia sudah hilang pedoman di dada dan bertindak mencederakan Faris mahupun dirinya sendiri?

Sukar untuk Misya gambarkan apa yang dia rasa pada waktu itu. Bermula dari saat kelahiran Faris, Misya sudah merasakan ada sesuatu yang tidak kena. Anaknya tidak tidur seperti anak orang lain. Bayi itu berjaga lebih daripada 18 jam sehari!

Kalau tidak tidur tetapi tidak meragam dan melalak, tidak mengapa juga. Ini melalak dan memekakkan telinga!

Pada usia Faris mencecah setahun, dia sudah mula menjadi agresif. Barang-barang di rumah habis dirosakkan. Pernah juga alat kawalan televisyen dijumpai beku di dalam peti sejuk hingga tidak boleh digunakan lagi. Apabila cuba disuap makan, diterbalikkannya sahaja pinggan nasi itu! Apabila minum air, dituangkannya ke atas baju dan disiram selebihnya ke muka ibunya! Apabila makan di restoran, Misya sentiasa membawa baju lebih kerana selalunya akan ada yang bermandikan air Milo ataupun kuah tomyam!

Apabila berada di rumah, Faris selalunya menjadi sangat 'kreatif'! Cat dinding dikopeknya dan serpihan-serpihan cat pula ditelan. Kesemua wayar televisyen ditariknya dan pemain DVD juga dihempaskan ke lantai. *Anak apa macam ini?*

Kalau tangan dan kaki sahaja yang bergerak, ya, kita akan penat, tetapi kita tidak menanggung malu yang teruk. Ini mulut pun sama naik!

Pernah sekali kawan Misya, Liyana, datang ke rumah. Kawannya itu sedikit gelap kulitnya dan setibanya Liyana di situ, Faris mula kelihatan resah. Mukanya penuh dengan amarah dan dia mula menjerit-jerit. Ayahnya, Zamri, cuba menenangkan Faris tetapi amukannya semakin

memuncak. Zamri tiada pilihan lain selain mendukung Faris keluar dari rumah dan berpusing ronda-ronda dengan kereta.

Di dalam kereta, Faris masih menangis dan menjerit-jerit. Dalam jeritannya, Zamri hanya mendengar perkataan "ugly" dan "friend". Apabila Faris sudah tenang dan pulang ke rumah, Misya bertanyakan kepadanya mengapa dia tiba-tiba mengamuk ketika kawannya, Liyana, datang sebentar tadi. Yang terpacul dari mulut Faris ialah, "friend Mummy ugly!".

Ketika itu Misya sudah dapat merasakan ini ialah 'red flag' yang dahsyat!

Pernah sekali suaminya ditendang oleh Faris sehingga hidungnya

berdarah. Nasib baik tulang tidak patah, tetapi kulitnya tetap pecah sedikit. Misya juga pernah pecah bibir dan berjurai darah kerana Faris mengetuk mukanya dengan kole air yang sedang digunakannya pada waktu itu.

Ada beberapa kali baju-baju yang sudah dilipat rapi di dalam almari dan laci dikeluarkan lalu dihumban ke dalam tandas. Pernah juga telefon Misya direndam di dalam baldi berisi air. Ketika ayahnya sedang tidur, Faris pernah mengetuk kepala ayahnya dengan botol susu yang masih penuh hingga ayahnya terus menggelupur kesakitan! Sejak kejadian itu, pasangan ini tidak lagi tenteram ketika tidur kerana bimbang Faris akan memukul mereka semasa tidur. Selain itu, Faris juga sering tidur tidak lena dan kerap terjaga

sambil melalak dan mengamuk.

Misya menjadi semakin penat kerana walaupun Faris merupakan cucu sulung yang sepatutnya menjadi kesayangan dalam keluarga, ibu Misya tetap menolak untuk menjaganya, biarpun seketika. Akibatnya, Misya tidak mempunyai ruang dan peluang untuk berehat walau sekejap. Manakan mahu kerana pernah sekali ketika ibunya sedang tidur, Faris mengetuk kepala neneknya dengan selipar yang bertapak agak tebal. Mujurlah tiada sebarang pendarahan berlaku, namun neneknya mengalami sakit kepala berhari-hari.

Misya terpaksa mengaku kalah. Tiada lagi daya untuk memarahi dan berlawan dengan anaknya. Apabila dimarahi atau ditegur, Faris

akan mula membaling barang ke arahnya dan seterusnya menghantuk kepalanya sendiri ke lantai! Misya sedar anaknya itu masih kecil dan belum mengerti apa-apa, namun dia tidak mampu membendung perasaan sedih dan kecewa kerana keadaan initalah berterusan selama beberapa tahun. *Tidak sayangkanlah Faris padanya?*

Tiada lagi apa yang mampu dilakukannya selain mengadukan segalanya kepada Sang Pencipta, Yang Maha Mengawal dan Maha Mengetahui. Dalam setiap doa yang dipanjatkan, air mata Misya mengalir deras. Dalam menanggung perit ujian, Misya tetap bersyukur kerana masih diberikan kekuatan untuk melaluinya bersama Faris. Dia masih waras, walaupun berkali-kali tersungkur.

Apabila Faris berusia lima tahun, Misya menghantarnya ke prasekolah.

Setelah lebih kurang dua bulan bersekolah, Faris menunjukkan perubahan yang ketara. Amukan tiba-tiba yang tidak semena-mena semakin berkurang. Setiap hari apabila pulang dari sekolah, dia begitu tekun membuat kerja sekolah dan membaca bersama Misya. *Pelik!*

Misya tidak perlu mengingatkannya tentang kerja sekolah. Faris tahu sendiri. Dia mencapai markah yang cemerlang dalam kesemua ujian di sekolah dan boleh bertutur, membaca serta menulis dalam tiga bahasa. *Pelik. Apa yang dah jadi?*

Benar, Dia di situ.

Kun fayakun. Allahu musta'an. Kita hanya perlu cari.

The Team



**Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad
Rashidy Razali**
Rector



Dr. Norhaslinda Hassan
Head of Center / Adviser



Wan Noorli Razali
Chief Editor



**Aini Syahira Binti
Jamaluddin**



**Muhammad Aiman
Abdul Halim**



**Ummu Habibah Binti
Mohd Sakri @ Shukri**



**Nur Fatin Nabila
Abdul Rahman**



**Nur Fatin Shahmina
Mohd Fauzey**



**Fasyin Diyana
Mohamad Fadzil**



Nur Aalia Arifin



**Nurul Farzanah
Mohd Rosli**



Noraziah Mohd Amin



Seng Hui Zanne



Lim Teck Heng